

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HMT 505 – Semantik dan Wacana Bahasa Melayu Lanjutan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **EMPAT [4]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab soalan 1 (**WAJIB**) dan mana-mana **TIGA [3]** soalan yang lain.

1. Dalam teori linguistik moden sejak *Aspects* 1965 beberapa percubaan telah dilakukan untuk memberikan model pemerian semantik seperti model Chomsky 1972, model Chomsky 1976, model Kuasaan dan Tambatan 1983 dan Model Principle dan Parameters. Dengan contoh-contoh daripada bahasa Melayu, dengan ringkas cuba perikan model-model pemerian semantik tersebut serta komen kekuatan dan kelebihannya.

[40 markah]

2. Dalam ayat-ayat berikut, ada yang mengandungi kata nafi dan ada yang mengandungi kuantifier. Dengan menggunakan logik predikat perikan maknanya.

- [a] Dia pergi bukan kelmarin.
- [b] Dia pergi kelmarin bukan?
- [c] Dia bukan pergi kelmarin.
- [d] Dia bukankah pergi kelmarin?
- [e] Semua orang mengesaki seseorang.
- [f] Ramai orang suka sesetengah orang.
- [g] Semua orang suka sedikit kumis di atas bibirnya.

[20 markah]

...2/-

3. Jawab [a], [b] dan [c].

- [a] Melalui contoh-contoh yang sesuai, terangkan perbezaan antara makna denotasi, konotasi dan kolokasi.
- [b] Melalui contoh-contoh bahasa Melayu yang sesuai, terangkan cara kaedah pemerian analisis komponen menangani makna denotasi, konotasi dan kolokasi.
- [c] Jelaskan kekuatan dan kelemahan kaedah ini jika ada.

[20 markah]

4. Jawab [a] dan [b].

- [a] Masing-masing bahasa mempunyai caranya tersendiri menyelenggarakan maklumat dalam ayat-ayat. Melalui contoh-contoh yang sesuai,uraikan cara maklumat diselenggarakan dalam ayat-ayat utama bahasa Melayu.
- [b] Apakah ada kepelbagaiannya dalam makna dalam ayat-ayat berikut? Jika ada periksa makna-makna berikut:
 - [i] Cemohan pihak lawan merugikan syarikat ini.
 - [ii] Itik itu yang makan ikan di atas kerusi.
 - [iii] John dan Jane berpindah ke Bayan Baru.

[20 markah]

5. Kebanyakan penulisan tentang ilmu semantik linguistik semasa, telah menyebut tentang analisis komponen yang pada asalnya telah dikemukakan oleh Katz & Fodor. Berdasarkan kajian Laoundsbury (1965) dan Goodenough (1965), nyatakan mengapa analisis komponen kini telah dianggap sebagai semantik zaman prasemantik (Shalom Lappin (Editor, 1997).

[20 markah]

6. Jawab **Soalan A ATAU Soalan B:**

Soalan A:

- [a] Kaji teks yang diberi, kemudian kenalpasti peranti-peranti linguistik yang terbabit serta peranannya untuk mewujudkan kohesi teks.
- [b] Kenalpasti anafora, katafora dan ulangan leksikal yang wujud dalam teks itu, dan terangkan peranannya dalam:
 - [i] penyebaran maklumat dalam teks.
 - [ii] mewujudkan kohesi.

Teks.

Di kampung itu susu ibu merupakan sumber makanan utama kepada bayi. Walaupun, agak ramai ibu-ibu muda dari situ bekerja di Bandar, namun purata jangka masa penyusuan ibu-ibu dari situ ialah kira-kira 11.5 bulan. Sebenarnya, purata jangka masa amalan para ibu di Kampung Datuk Keramat ini lebih lama daripada apa yang pernah dilaporkan di Malaysia Barat. Di kampung itu 62.5% daripada penduduk wanitanya yang mempunyai anak kecil mengamalkan penyusuan ibu melebihi 6 bulan, 29.3% kurang daripada sebulan dan 24.4% lagi bercadang untuk memberi susu sendiri kepada bayi apabila mendapat anak. Perangkaan seperti ini amat menggalakkan bagi Semenanjung Malaysia. Ternyata penyusuan ibu masih lagi dilakukan oleh para ibu kampung tersebut. Mungkinkah keadaan ini disebabkan majoriti para ibu di Keramat ialah suri rumah, dan dengan demikian mereka dapat memberikan perhatian kepada anak-anaknya? Bagi golongan yang mempraktikkan penyusuan ibu kurang daripada sebulan, mereka ialah ibu-ibu yang bertugas di pejabat yang terpaksa berpisah daripada kesayangan mereka.

60% daripada penduduk wanita Keramat tidak bekerja. Mereka tidak pula terbabit dengan pekerjaan di luar; yakni ibu-ibu di sini tidak perlu berpisah dengan bayinya. Perkara ini diper mudahkan pula dengan hakikat bahawa masih ramai daripada kalangan ibu-ibu yang tetap akur kepada aturan pantang dan berdiang 40 hari. Tambahan pula dalam masa period tersebut sang suami mengasingkan diri, dengan demikian tetamu yang baru tiba itu dapat diberi perhatian oleh siibu dengan penuh perihatin.

[20 markah]

Soalan B:

Kaji teks klasik yang diberi, dan seterusnya huraihan peranan yang berikut:

- [a] peranti linguistik dalam menimbulkan kohesi dan koheren teks.
- [b] Nyatakan organisasi maklumatnya.

Teks.

Kata sahibu 'l-hikayat: maka tersebut-lah perkataan Raja Merlang, raja Inderagiri, hilang di-Melaka juga. Ada baginda beranak dengan permaisuri, anak marhum Melaka, sa-orang laki-laki, Raja Nara Singa nama-nya, pada baginda-lah pula segala orang Inderagiri. Ada pun pada ketika itu segala anak raja-raja Inderagiri tiada di-malui oleh segala anak tuan-tuan Melaka. Apabila segala anak tuan-tuan Melaka berjalan ka-sana sini, maka bertemu dengan lechah-lechah atau sungai, jikalau ada anak tuan-tuan Inderagiri, maka di-panggil-nya di-suroh-nya dukong melalui lechah-lechah itu; sudah sa-orang sa-orang, maka pada sa-orang anak tuan-tuan Inderagiri dua tiga orang anak tuan-tuan Melaka berdukong kapada-nya berganti-ganti. Maka segala orang Inderagiri berdatang sembah kepada Raja Nara Singa, "Tuanku, mari kita bermohon kembali ka-Inderagiri, kerana tiada kuasa patek sakalian dudok di-Melaka ini, tiada sa-kali-kali di-umpamakan oleh anak tuan-tuan Melaka, di-jadikan-nya seperti hamba-nya." "Maka titah Raja Nara Singa, Baik-lah." Maka baginda pun masok menghadap Sultan Mahmud; pada ketika itu baginda sedang di-hadap orang banyak. Maka Raja Nara Singa pun berdatang sembah ka-bawah duli Sultan Mahmud, kata-nya, "Tuanku, jikalau ada kurnia duli Yang di-Pertuan, patek hendak bermohon-lah kembali ka-Inderagiri; kerana sunggoh pun ada negeri patek di-anugerahi oleh duli Yang di-Pertuan, tiada patek melihat dia." Maka tiada di-lepas oleh Sultan Mahmud Shah.

-- oo000oo --